

Gugur perkataan Islam dikaji: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengambil tindakan berhati-hati berhubung saranan ahli Umno untuk menggugurkan penggunaan nama Islam pada Pas bagi mengelak sebarang salah faham.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yakin rakyat menyedari muslihat yang digunakan oleh Pas dalam ceramah mereka seperti tindakan Muawiyah sewaktu berperang dengan Saidina Ali.

"Dalam peperangan itu, Muawiyah menewaskan Saidina Ali dengan memasang mushaf pada tombak yang mereka gunakan. Dengan adanya mushaf di hujung tombak itu, ia menimbulkan perasaan serba-salah di kalangan pasukan Saidina Ali kerana kalau mereka serang, bermakna mereka serang al-Quran yang terlekat di hujung tombak ini walhal ini satu muslihat saja oleh puak Muawiyah," katanya dalam sidang akhbar di sini, petang ini.

Dr Mahathir menjelaskan Pas menggunakan pegangan kepada ajaran Islam untuk mengelirukan musuh.

"Dia pun tak pernah menang, tak pernah menjadi kerajaan dalam negara kita melainkan di Kelantan dan untuk sedikit masa di Terengganu. Bukan kita takut.

"Bukan kita kkuatir kita tidak boleh menang dalam pilihan raya kerana mereka menggunakan

nama Islam dalam parti mereka dalam pilihan raya akan datang.

"Tetapi kita sebagai kerajaan bertanggungjawab memelihara dan melindungi agama Islam. Penyalahgunaan perkataan Islam bagi parti menimbulkan kekeliruan mengenai agama Islam di kalangan umat Islam di negara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, sepatutnya cuma ada satu saja parti Islam.

"Yang mana siapa yang boleh mengucap, ia menjadi ahli. Semua umat Islam adalah dari parti Islam, bukan orang Pas saja. Kita berasa amat dukacita kerana ada orang Islam yang membahagikan orang Islam sehingga mereka berperang sesama sendiri," katanya.

Dr Mahathir meminta orang Melayu dan Bumiputera yakin kepada diri sendiri kerana mereka mempunyai kemampuan seperti orang lain.

"Kita buktikan bahawa kita tidak kurang daripada orang lain baik dari segi apa sekalipun, dari segi intelek, kecekapan dan kemahiran. Yang penting ialah kita yakin dengan kebolehan kita.

"Sebab itu kita gunakan slogan 'Kita Boleh'. Kita boleh sebenarnya dan kita sudah perlihatkan kebolehan kita. Sebenarnya kebolehan orang Melayu dan Bumiputera di Malaysia adalah luar biasa. Dan ini sudah disebutkan oleh orang Jepun yang datang ke sini," katanya.